



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN MENGENAI PENGURUSAN KONTRAK PENAJAAN
BAGI PENERIMA BIASISWA/CUTI BELAJAR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
YANG BERHASRAT UNTUK BERKHIDMAT DI
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) /
UNIVERSITI AWAM (UA)**

**BAHAGIAN TAJAAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

KANDUNGAN	MUKA SURAT
TUJUAN	3
TAFSIRAN	3
LATAR BELAKANG	5
PELAKSANAAN	
I. Tanggungjawab Penerima Biasiswa Praperkhidmatan KPM	8
II. Tanggungjawab Penerima Biasiswa Atau Pegawai Yang Diluluskan Cuti Belajar	9
III. Tanggungjawab Ketua Jabatan	10
CARTA ALIR PROSES KERJA / RINGKASAN PELAKSANAAN	11
PENUTUP	11
PERTANYAAN	12

LAMPIRAN

Lampiran 1 dan 2	Surat KPM kepada JPA bertarikh 14 Februari 1995 dan 11 April 2014 menyatakan pendirian KPM untuk tidak menerimapakai SPP Bil.4/1988 dan SPP Bil.2/2004
Lampiran 3	Surat KPT kepada semua Naib Canselor IPTA bertarikh 12 November 2009 mengenai dasar pecah kontrak
Lampiran 4	Surat KPM kepada semua Naib Canselor IPTA bertarikh 5 Julai 2013 mengenai dasar penajaan KPM dan pelaksanaan potongan gaji bagi pemecah kontrak
Lampiran A	Carta Alir Tanggungjawab Penerima Tajaan Praperkhidmatan KPM
Lampiran B	Carta Alir Tanggungjawab Penerima Tajaan Dalam Perkhidmatan KPM
Lampiran C	Carta Alir Tanggungjawab Ketua Jabatan

GARIS PANDUAN MENGENAI PENGURUSAN KONTRAK PENAJAAN BAGI PENERIMA BIASISWA/CUTI BELAJAR KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA YANG BERHASRAT UNTUK BERKHIDMAT DI IPTA/UA

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai dasar ikatan kontrak dan pengurusan pecah kontrak penerima biasiswa/cuti belajar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berhasrat untuk berkhidmat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Universiti Awam (UA).

TAFSIRAN

2. Bagi tujuan Garis Panduan ini:

- i. **“Biasiswa”** bermaksud kemudahan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Asing atau Badan Antarabangsa bagi membiayai yuran pengajian, elaun sara hidup dan/atau kemudahan-kemudahan lain semasa dalam tempoh pengajian;
- ii. **“Cuti belajar” (dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai cuti berkursus)** bermaksud cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;
- iii. **“Pegawai”** bermaksud Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) atau apa-apa sebutan yang membawa maksud yang sama pada perkhidmatan tersebut;

- iv. **“Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)”** bermaksud pegawai yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan pendidikan yang mana ketua perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Pendidikan dan dilantik oleh SPP;
- v. **“Pelajar”** bermaksud pelajar pra perkhidmatan, yang mendapat tajaan untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda/Diploma Lanjutan dan sekiranya dikehendaki dan memenuhi syarat-syarat lantikan, akan dilantik sebagai PPP;
- vi. **“Pemegang kontrak”** bermaksud pelajar/pegawai yang diluluskan biasiswa/cuti belajar dan mempunyai ikatan kontrak berkhidmat dengan KPM;
- vii. **“Penaja”** bermaksud Bahagian di KPM yang mengeluarkan perbelanjaan biasiswa bagi membiayai pengajian pelajar/pegawai dan/atau yang meluluskan cuti belajar dengan ikatan kontrak;
- viii. **“Tempoh kontrak”** bermaksud satu tempoh yang ditetapkan di dalam perjanjian bagi pelajar/pegawai berkhidmat dengan KPM selepas menamatkan pengajian/latihan dengan tajaan KPM;
- ix. **“Tuntutan ganti rugi”** bermaksud jumlah yang ditetapkan di dalam perjanjian yang perlu dibayar kepada KPM oleh pelajar/pegawai sekiranya pelajar/pegawai melanggar mana-mana syarat perjanjian yang ditetapkan; dan
- x. **“Peletakan jawatan”** bermaksud pemakluman untuk berhenti berkhidmat daripada Perkhidmatan Awam dengan mengemukakan notis peletakan jawatan kepada Ketua Jabatan.

LATAR BELAKANG

3. KPM mula menawarkan biasiswa/cuti belajar kepada pelajar/pegawai yang layak untuk melanjutkan pengajian di pelbagai peringkat pengajian sejak tahun 1973 apabila tertubuhnya Seksyen Biasiswa dan Taja. Matlamat KPM adalah untuk membangunkan modal insan bidang pendidikan mengikut keperluan dan perancangan serta mempertingkatkan kualiti PPP melalui program-program peningkatan akademik demi memartabatkan profesion perguruan.

4. Sebagai jaminan pulangan ke atas pelaburan Kementerian dalam membangunkan modal insan bidang pendidikan, pelajar/pegawai yang ditaja perlu mematuhi syarat-syarat perjanjian dan peraturan semasa yang berkaitan penajaan termasuklah berkhidmat dengan Kementerian sebagai PPP setelah menamatkan pengajian untuk suatu tempoh yang ditetapkan di dalam kontrak perjanjian.

5. Pada 1988, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1988: Pemindahan Kontrak Pemegang-Pemegang Biasiswa/Dermasiswa Persekutuan/Hadiah Latihan Persekutuan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2004: Pindaan Dasar Pemindahan Kontrak Pemegang-Pemegang Biasiswa/Dermasiswa Persekutuan/Hadiah Latihan Persekutuan yang bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan bahawa perkhidmatan pemegang-pemegang Biasiswa/Dermasiswa/Hadiah Latihan Persekutuan dengan Badan-Badan Berkanun, Universiti-Universiti Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah disifatkan sebagai perkhidmatan dengan Kerajaan bagi maksud memenuhi syarat-syarat Perjanjian Biasiswa/Hadiah Latihan.

6. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1988 telah memberi kesan kepada KPM di mana terdapat pemegang-pemegang kontrak KPM yang mengambil tindakan meletak jawatan sewenang-wenangnya untuk memasuki perkhidmatan dengan agensi Kerajaan yang lain. Sehubungan dengan itu, KPM telah membuat keputusan pada tahun 1995 untuk tidak menerimapakai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1988 atas alasan ianya memberi kesan kepada matlamat dan perancangan

Kementerian untuk menyediakan tenaga guru yang terlatih secukupnya di seluruh negara. Pendirian KPM ini telah dimaklumkan kepada JPA melalui surat bertarikh 14 Februari 1995 (**Lampiran 1**) dan juga surat bertarikh 11 April 2014 (**Lampiran 2**) semasa KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi bergabung sebagai Kementerian Pendidikan Malaysia.

7. Bagi menangani isu pecah kontrak akibat penghijrahan pemegang kontrak ke IPTA/UA, KPM dan KPT telah mencapai persetujuan bersama pada 1 September 2009, iaitu mana-mana IPTA/UA yang hendak melantik pemegang kontrak KPM perlu membayar ganti rugi atau apa-apa kos yang ditetapkan oleh KPM secara sekaligus. Sekiranya pihak IPTA/UA tidak bersedia untuk membayar maka pemegang kontrak sendiri perlu membayar ganti rugi kepada KPM. Keputusan ini telah dimaklumkan kepada semua Naib Canselor IPTA/UA melalui surat KPT bertarikh 12 November 2009 (**Lampiran 3**).

8. Apabila KPM dan KPT bergabung semula pada 15 Mei 2013, KPM telah mengeluarkan surat bertarikh 5 Julai 2013 (**Lampiran 4**) yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha KPM kepada semua Naib Canselor IPTA/UA bagi memaklumkan sekali lagi mengenai dasar penajaan KPM serta meminta kerjasama semua IPTA/UA untuk melaksanakan potongan gaji ke atas pemecah kontrak KPM yang berhijrah ke IPTA/UA.

9. Pada 4 Julai 2014, Mesyuarat Lembaga Biasiswa (MLB), KPM Bil. 1/2014 telah memutuskan bahawa dasar tuntutan ganti rugi ini dikekalkan dengan mengambil kira terma perjanjian, keperluan di institusi-institusi pendidikan di Sektor Pelajaran, KPM sendiri selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan kerugian dari segi kos pelaburan oleh Sektor Pelajaran KPM.

10. Dalam perkara ini juga, MLB KPM Bil. 1/2014 telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- i) sekiranya IPTA/UA bersetuju membayar bagi pihak pemecah kontrak, IPTA/UA tersebut hendaklah membayar tuntutan ganti rugi kos sebenar secara sekaligus; atau
- ii) sekiranya pemecah kontrak KPM yang membayar sendiri, bayaran tuntutan ganti rugi mengikut perjanjian hendaklah dibuat melalui potongan gaji.

11. JPA melalui surat bertarikh 10 Julai 2014 memaklumkan KPM boleh menetapkan suatu dasar yang kemudian dinyatakan dalam peruntukan kandungan Perjanjian supaya pegawai yang ditawarkan Biasiswa/Hadiah Latihan Persekutuan ini mengetahui tanggungjawab mereka sebagai pemegang Biasiswa/Hadiah Latihan Persekutuan untuk tidak meninggalkan perkhidmatan mereka terdahulu dan terus berkhidmat berdasarkan tempoh yang ditetapkan dalam Perjanjian.

12. Justeru, pemegang kontrak KPM, sama ada pelajar praperkhidmatan atau PPP yang masih mempunyai ikatan kontrak tetapi memilih untuk berkhidmat di IPTA/UA adalah dianggap melanggar terma perjanjian dan akan dikenakan tuntutan ganti rugi kerana mereka sepatutnya berkhidmat sebagai PPP di mana-mana sekolah atau institusi yang ditetapkan oleh KPM. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam Surat Tawaran dan perjanjian Biasiswa/Hadiah Latihan/Cuti Belajar sejak tahun 2002 di mana pemegang kontrak KPM dikehendaki menerima jawatan dalam Kerajaan sebagaimana yang ditentukan oleh KPM sebagai PPP atau apa-apa jawatan dalam Kerajaan melalui KPM atau mana-mana badan lain sebagaimana yang diarahkan atau dipersetujui oleh KPM.

13. Penghijrahan penerima biasiswa KPM untuk berkhidmat di IPTA/UA dilihat akan merencatkan perancangan Kementerian dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 melalui objektif ketiganya iaitu menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam Kementerian bagi memenuhi permintaan baharu dan harapan tinggi masyarakat.

14. Justeru, garis panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan kepada Bahagian-Bahagian di KPM dan pemegang kontrak mengenai dasar ikatan kontrak dan pengurusan pecah kontrak penerima biasiswa/cuti belajar KPM yang berhasrat untuk berkhidmat di IPTA/UA.

PELAKSANAAN

I. Tanggungjawab Penerima Biasiswa Praperkhidmatan KPM

15. Tanggungjawab penerima biasiswa Praperkhidmatan KPM adalah seperti berikut:

- (i) penerima biasiswa mesti melapor diri kepada KPM sebaik sahaja menamatkan pengajian/tamat tempoh tajaan dengan kadar segera;
- (ii) penerima biasiswa yang telah melapor diri hendaklah memohon untuk berkhidmat sebagai PPP atau sebagaimana yang ditetapkan di dalam perjanjian;
- (iii) penerima biasiswa yang ditawarkan atau memohon sendiri dan bersetuju untuk berkhidmat sebagai tenaga pengajar di IPTA/UA hendaklah:
 - a. memaklumkan kepada penaja mengenai hasrat berkhidmat dengan IPTA/UA;
 - b. membuat semakan dengan penaja berkenaan tempoh kontrak berkhidmat dan jumlah tuntutan ganti rugi yang perlu dijelaskan; dan
 - c. memaklumkan kepada IPTA/UA mengenai tempoh kontrak berkhidmat dengan KPM dan jumlah tuntutan ganti rugi yang perlu dijelaskan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian;

- (iv) sekiranya penerima biasiswa meneruskan hasrat berkhidmat dengan mana-mana IPTA/UA tanpa persetujuan KPM, tindakan penguatkuasaan perjanjian akan dilaksanakan;
- (v) penerima biasiswa KPM hendaklah memaklumkan IPTA/UA berkenaan tempoh kontrak berkhidmat beserta jumlah tuntutan ganti rugi dan mendapatkan persetujuan IPTA/UA untuk membuat pembayaran secara sekaligus bagi pihak penerima biasiswa kepada KPM; dan
- (vi) sekiranya IPTA/UA tidak bersetuju untuk menyelesaikan bayaran ganti rugi bagi pihak penerima biasiswa, pembayaran perlu dijelaskan oleh penerima biasiswa tersebut dengan menggunakan kaedah seperti berikut:
 - a. pembayaran secara sekaligus oleh penerima biasiswa; atau
 - b. pembayaran dibuat melalui potongan gaji oleh IPTA/UA bagi pihak penerima biasiswa mengikut jadual bayaran yang ditetapkan oleh KPM.

II. Tanggungjawab Penerima Biasiswa Atau Pegawai Yang Diluluskan Cuti Belajar

16. Tanggungjawab penerima biasiswa atau pegawai yang diluluskan cuti belajar adalah seperti berikut:
- (i) pegawai mesti melapor diri kepada KPM sebaik sahaja menamatkan pengajian/tamat tempoh tajaan dengan kadar segera;
 - (ii) pegawai yang ditawarkan atau memohon sendiri dan bersetuju untuk berkhidmat sebagai tenaga pengajar di IPTA/UA hendaklah:
 - a. memaklumkan kepada Ketua Jabatan dan penaja mengenai hasrat berkhidmat dengan IPTA/UA;

- b. membuat semakan dengan penaja melalui Ketua Jabatan berkenaan tempoh kontrak berkhidmat dan jumlah tuntutan ganti rugi yang perlu dijelaskan; dan
 - c. memaklumkan kepada IPTA/UA mengenai tempoh kontrak berkhidmat dengan KPM dan jumlah tuntutan ganti rugi yang perlu dijelaskan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian;
- (iii) sekiranya pegawai meneruskan hasrat berkhidmat dengan mana-mana IPTA/UA tanpa persetujuan penaja, tindakan penguatkuasaan perjanjian akan dilaksanakan. Pegawai hendaklah meletakkan jawatan terlebih dahulu dengan mengemukakan notis peletakan jawatan kepada Ketua Jabatan sebelum IPTA/UA boleh meneruskan proses pelantikan sebagai tenaga pengajar;
- (iv) pegawai perlu memaklumkan IPTA/UA berkenaan baki kontrak berkhidmat yang belum selesai beserta jumlah tuntutan ganti rugi dan mendapatkan persetujuan IPTA/UA untuk membuat pembayaran secara sekaligus bagi pihak pegawai kepada KPM; dan
- (v) sekiranya IPTA/UA tidak bersetuju untuk menyelesaikan bayaran ganti rugi bagi pihak pegawai, pembayaran perlu dijelaskan oleh pegawai tersebut dengan menggunakan kaedah seperti berikut:
 - a. pembayaran secara sekaligus oleh pegawai; atau
 - b. pembayaran dibuat melalui potongan gaji oleh IPTA/UA bagi pihak pegawai mengikut jadual bayaran yang ditetapkan oleh KPM.

III. Tanggungjawab Ketua Jabatan

17. Tanggungjawab Ketua Jabatan yang menerima notis peletakan jawatan daripada mana-mana pegawai yang menerima biasiswa KPM atau diluluskan cuti belajar adalah seperti berikut:

- (i) membuat semakan dengan penaja berkenaan tempoh kontrak berkhidmat dan jumlah tuntutan ganti rugi yang perlu dijelaskan;
- (ii) mengeluarkan surat akuan bertulis penerimaan notis peletakan jawatan kepada pegawai sebaik sahaja notis peletakan jawatan itu diterima;
- (iii) memanjangkan Notis Peletakan Jawatan pegawai berkenaan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), KPM dan disalinkan kepada penaja;
- (iv) sekiranya pegawai berkenaan didapati masih belum menyempurnakan kontrak berkhidmat, Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada penaja;
- (v) memaklumkan kepada pegawai akan tanggungjawabnya menguruskan hutang dan ikatan perjanjiannya dengan pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya ada; dan
- (vi) mengemaskini maklumat peletakan jawatan pegawai dalam HRMIS dan Rekod Perkhidmatan pegawai.

CARTA ALIR PROSES KERJA/RINGKASAN PELAKSANAAN

18. Bagi tujuan pelaksanaan Garis Panduan ini, carta alir proses kerja adalah seperti di **LAMPIRAN A, B dan C**.

PENUTUP

19. Program penajaan yang dilaksanakan oleh KPM merupakan usaha untuk menyediakan dan melahirkan calon PPP yang berkualiti, serta melengkapkan PPP dengan

pengetahuan dan kepakaran yang diperlukan dalam memperkasakan institusi pendidikan negara. Penajaan kepada pelajar dan PPP merupakan satu pelaburan Kementerian yang dibuat berdasarkan kepada unjuran keperluan sumber tenaga manusia mengikut bidang-bidang yang diperlukan dan kritikal kepada KPM. Tindakan pemegang-pemegang kontrak yang berhijrah ke IPTA selepas menamatkan pengajian telah memberi kesan kepada perancangan dan matlamat KPM dalam menyediakan PPP yang terlatih secukupnya di seluruh negara. Justeru, dasar penajaan sedia ada yang tidak membenarkan pemegang-pemegang kontrak KPM berhijrah ke IPTA dikekalkan dan diperkemas lagi pengurusannya bagi menjamin pulangan yang optimum ke atas pelaburan yang telah dibuat dan memastikan perancangan KPM dalam menyediakan keperluan sumber tenaga manusia dapat dicapai sepenuhnya.

PERTANYAAN

20. Sebarang pertanyaan berhubung Garis Panduan ini bolehlah dirujuk kepada:

Bahagian Tajaan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1, Blok 2251, Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
SELANGOR

No. Telefon : 03-83217124

No. Faksimili : 03-83217101 / 7102

E-mel : penguatkuasaan@moe.gov.my